

PENGGUNAAN TEKNOLOGI *GOOGLE CLASSROOM* DALAM
KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH JOHOR BAHRU

NOR HIDAYAH A WAHAB

Laporan Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Pendidikan (Pendidikan dan Pembangunan)

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2021

DEDIKASI

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.
Teristimewa buat seisi keluarga dan teman-teman yang sentiasa memberi dorongan
dalam menjayakan projek sarjana ini. Bingkisan ilmu ini dititipkan khas untuk :

Suami tercinta,
Badrul Hisham bin Modh Ridza

Ayahanda dan bonda tercinta,
Hj. A.Wahab bin Ismail
Hasnah binti Samin

Anak-anak tercinta,
Nur Qisya Auliya binti Badrul Hisham
Daiyan Nur Hanan bin Badrul Hisham

Penyelia,
Prof. Madya Dr. Zainudin bin Hassan

Serta,
Keluarga dan teman-teman seperjuangan.

Segala dorongan dan pengorbanan anda tidak mampu diungkapkan dengan
kata-kata. Jasa kalian akan ku kenang hingga ke akhir hayat.

Terima kasih untuk segalanya.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu saya menyiapkan projek sarjana ini dengan sepenuhnya. Alhamdulillah pertama sekali, bersyukur kepada Allah SWT atas kurniaan dan rahmatnya kerana memberi saya kekuatan dan kesihatan yang baik dalam menyiapkan projek sarjana ini dengan selengkapnya. Sekalung jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia saya Prof Madya Dr. Zainudin Bin Hassan yang banyak membimbing dan menyokong saya secara berterusan sehingga selesai menyiapkan kajian penyelidikan ini. Dengan panduan kepakaran dan pengetahuan beliau yang luas mampu mengatasi semua halangan yang saya hadapi sepanjang menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga, diucapkan jutaan terima kasih semua guru yang terlibat secara langsung dalam membantu saya memberikan data dan maklumat yang diperlukan sepanjang penyediaan pengumpulan data kajian ini. Terima kasih juga kepada suami, ibu bapa dan rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi sokongan dan bantuan dalam proses menyiapkan projek sarjana ini.

Terima Kasih.

ABSTRAK

Pelaksanaan Dasar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah guru dan ibu bapa untuk melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan salah satu medium pembelajaran yang terkenal pada hari ini ialah *Google Classroom* suatu aplikasi mempermudah guru membuat, mengedarkan dan menyemak tugas pelajar tanpa menggunakan kertas. Kajian ini bertujuan mengkaji kemudahan dan kemanfaatan teknologi *google classroom* dalam kalangan guru serta sikap dan tingkahlaku sebenar guru terhadap penggunaan *Google Classroom*. Metodologi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif secara temubual separa berstruktur untuk mengumpul data dan maklumat kajian. Kaedah pengkodan telah digunakan untuk menganalisis dapatan kajian. Sampel bertujuan digunakan bagi memilih responden mengikut kriteria yang bersesuaian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Sampel terdiri daripada 6 orang guru iaitu termasuklah 5 orang guru perempuan dan 1 orang guru lelaki sekolah menengah SMK Taman Johor Jaya 1. Hasil kajian menunjukkan guru memberi pandangan positif terhadap *Google Classroom* sebagai teknologi yang memudahkan, fleksibel dan selamat digunakan. Mereka turut mengakui *Google Classroom* dapat meningkatkan keberkesanan prestasi kerja guru, membantu mereka mempelbagaikan bahan pembelajaran serta dapat menarik minat secara aktif dalam proses pembelajaran. Guru menyatakan *Google Classroom* teknologi yang memuaskan dan menyeronokkan kerana dapat meningkatkan produktiviti dan prestasi guru di samping meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi berbanding sebelum ini. Guru-guru disarankan supaya perlu bersikap kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan PdPc (Pembelajaran dan Pemudahcaraan) mereka lebih menarik melalui penerokaan pelbagai fungsi yang menarik di dalam aplikasi ini.

ABSTRACT

Implementation of the Movement Control Order (MCO) Policy requires the cooperation of all parties including teachers and parents to implement Home Teaching and Learning (PdPR) and one of the famous learning mediums today is that Google classroom an application makes it easier for teachers to create, distribute and review student assignments without using papers. This study aims to study the facilitation and harness of google classroom technology among teachers as well as the teacher's true attitude and behavior towards the use of google classroom. In the study, studiers used qualitative methods by semi-structured interviews to collect data and study information. Coding methods have been used to analyze the findings. The samples were intended to be used to select respondents according to the appropriate criteria set by the reviewer. The sample consisted of six teachers, including five female teachers and one male teacher of SMK Taman Johor Jaya secondary school. The results showed that teachers gave a positive insight into google classroom as a simplifying, flexible and safe-to-use technology. They also acknowledge that google classrooms can improve the effectiveness of teacher's work performance, help them diversify learning materials and be able to actively interest in the learning process. Teachers express google classroom technology which is satisfactory and enjoyable as it can improve the productivity and performance of teachers while enhancing technological usage skills than ever before. It is suggested that teachers need to be creative and innovative in diversifying teaching and learning techniques to ensure that their teaching and learning is more attractive through the exploration of various interesting functions in this application

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Pernyataan Masalah	9
	1.4 Objektif Kajian	12
	1.5 Persoalan Kajian	12
	1.6 Kerangka Model	13
	1.7 Kepentingan Kajian	14
	1.7.1 Kementerian Pendidikan Malaysia	14
	1.7.2 Pihak Pentadbir Sekolah	14
	1.7.3 Guru	15
	1.7.4 Pelajar	15
	1.7.5 Masyarakat Setempat	15
	1.8 Skop dan Batasan Kajian	16
	1.9 Definisi Konsep Dan Operasi	16
	1.9.1 <i>Google Classroom</i>	16

1.9.2	Model Penerimaan Teknologi (<i>Technology Acceptance Model</i>)	18
1.9.2.1	Kemudahan (Perceived Ease Of Use)	18
1.9.2.2	Kemanfaatan Penggunaan (<i>Perceived Usefulness</i>)	19
1.9.2.3	Kecenderungan Sikap Terhadap Perilaku (<i>Attitude Towards Behavior</i>)	19
1.9.2.4	Penggunaan Sebenarnya (<i>Actual Use</i>)	20
1.10	Penutup	20
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	21
2.1	Pengenalan	21
2.2	Persekitaran Pembelajaran Maya <i>Google Classroom</i>	21
2.2.1	Definisi Dan Konsep	21
2.2.2	Ciri-Ciri <i>Google Classroom</i>	25
2.2.3	Langkah-Langkah Membuka Kelas <i>Google Classroom</i>	29
2.2.4	Langkah-Langkah Mencipta Kelas dalam <i>Google Classroom</i>	33
2.2.5	Langkah-Langkah Menyertai Kelas dalam <i>Google Classroom (Browser)</i>	34
2.2.6	Langkah-Langkah Mencipta, Menyemak dan Menilai Tugas (Mod Guru)	37
2.2.7	Langkah-Langkah Menjawab, Mengubah Suai dan Menghantar Tugas (Mod Murid)	46
2.2.8	Kelebihan atau Kebaikan <i>Google Classroom</i>	52
2.2.9	Kelemahan atau Keburukan <i>Google Classroom</i>	55
2.2.10	Faktor Pelaksanaan <i>Google Classroom</i>	56
2.3	Persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR)	57
2.3.1	Definisi dan Objektif PdPR	57
2.3.1.1	Definisi PdPR	57
2.3.1.2	Objektif Manual PdPR	57

2.3.2	Pendekatan PdPR dan Kaedah PdPR	58
2.3.2.1	Pendekatan PdPR	58
2.3.2.2	Kaedah PdPR	60
2.3.3	Pelaksanaan PdPR	61
2.3.3.1	Peranan Guru	62
2.3.3.2	Peranan Pentadbir	63
	2.3.2.2.1 Pdpr Menggunakan Modul	60
	2.3.2.2.2 Pdpr Berasaskan Projek	61
2.3.3.3	Peranan Ibu bapa	63
2.4	Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model)	63
2.4.1	Teori Aksi Bertindak (TRA)	64
2.4.2	Definisi dan Konsep Model Penerimaan Teknologi	65
2.4.3	Elemen Model Penerimaan Teknologi	69
2.4.3.1	Kemudahan Penggunaan (<i>Perceived Ease of Use</i> (PEOU))	71
2.4.3.2	Kemanfaatan Penggunaan (<i>Perceived Usefulness</i> (PU))	72
2.4.3.3	Sikap Terhadap Penggunaan (<i>Attitude Toward Using</i> (ATU))	73
2.4.3.4	Penggunaan Sebenar Terhadap Pengguna (<i>Actual System Usage</i> (ASU))	74
2.5	Perbezaan Model TRA dan TAM	74
2.6	Kajian –Kajian Lepas	75
2.6.1	Kajian <i>Google Classroom</i> Aspek Kemudahgunaan	75
2.6.2	Kajian <i>Google Classroom</i> Aspek Kemanfaatan Penggunaan	76
2.6.3	Kajian <i>Google Classroom</i> Aspek Sikap Terhadap Penggunaan	79
2.6.4	Kajian <i>Google Classroom</i> Aspek Penggunaan Sebenar	80
2.7	Kesimpulan	83

BAB 3	KAEDAH METODOLOGI	85
3.1	Pengenalan	85
3.2	Reka bentuk Kajian	85
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	88
3.4	Tempat Kajian	90
3.5	Insterumen Kajian	91
	3.5.1 Temu Bual	91
	3.5.1.1 Temubual Separa Berstruktur	93
3.6	Kajian Rintis	95
	3.6.1 Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian Kualitatif	95
3.7	Tatacara Pengumpulan Data	96
	3.7.1 Temubual Guru Sekolah Menengah	96
	3.7.2 Kaedah Memungut Data Temubual	96
3.8	Analisis Data Kajian	99
	3.8.1 Analisis Data Kualitatif	99
	3.8.1.1 Peringkat Transkrip Data	101
	3.8.1.2 Peringkat Organisasi Data	101
	3.8.1.3 Peringkat Pelaziman Data	102
	3.8.1.4 Peringkat koding	102
	3.8.1.4.1 Pengkodan Terbuka	103
	3.8.1.5 Peringkat Tema	104
	3.8.1.6 Penetapan kod	104
3.9	Kesimpulan	105
BAB 4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	107
4.1	Pengenalan	107
4.2	Latar Belakang dan Demografi Responden	107
4.3	Kemudahan Penggunaan <i>Google Classroom</i>	109
	4.3.1 Mudah dan Fleksibel Digunakan	111
	4.3.2 Capaian Internet Dan Fasiliti Penggunaan <i>Google Classroom</i>	116
	4.3.3 Mudah Dipelajari, Difahami dan Disediakan	118

4.3.4	Mudah Disimpan dan Selamat Digunakan	121
4.4	Kemanfaatan Penggunaan Terhadap <i>Google Classroom</i>	124
4.4.1	Mempelbagaikan Teknik dan Bahan Pdp	125
4.4.2	Menjimatkan Masa Dan Kurang Beban Tugas Guru	128
4.4.3	Meningkatkan Penyertaan Aktif Dan Kefahaman Pelajar	130
4.4.4	Meningkatkan Produktiviti dan Prestasi Kerja	132
4.4.5	Memudahkan Mendapatkan dan Berkongsi Bahan Dan Maklumat	134
4.5	Sikap Guru Terhadap Penggunaan <i>Google Classroom</i>	136
4.5.1	Memudahkan Pengurusan Kerja dan Komunikasi Dengan Pelajar	137
4.5.2	Mempelbagaikan Teknik dan Bahan Pdp Yang Menarik Dan Interaktif	140
4.5.3	Mengurangkan Beban Kerja Guru	142
4.5.4	Meningkatkan Produktiviti Kerja	145
4.6	Tingkhalku Sebenar Guru Terhadap <i>Google Classroom</i>	146
4.6.1	Meningkatkan Penyertaan Aktif dan Minat Pelajar	147
4.6.2	Meningkatkan Kemahiran dan Kekekerapan Penggunaan Teknologi	150
4.6.3	Meningkatkan Kecekapan dan Produktiviti Pengurusan Kerja	153
4.6.4	Mempelbagaikan Bahan Pdp dari Sumber Luar serta Meningkatkan Penguasaan Ilmu dalam Pdp	156
4.6.5	Menimbulkan Perasaan Seronok Guru Ketika Menggunakannya	158
4.7	Kesimpulan	160
BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	163
5.1	Pengenalan	163
5.2	Rumusan/Ringkasan Kajian	163
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	166

5.3.1	Dapatan Kemudahan Penggunaan <i>Google Classroom</i>	166
5.3.2	Dapatan Kemanfaatan Penggunaan <i>Google Classroom</i>	169
5.3.3	Dapatan Sikap Guru Terhadap Penggunaan <i>Google Classroom</i>	172
5.3.4	Dapatan Tingkahlaku Sebenar Guru Terhadap Penggunaan <i>Google Classroom</i>	174
5.4	Implikasi Kajian	179
5.4.1	Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	179
5.4.2	Implikasi Terhadap Pihak Pentadbir Sekolah	180
5.4.3	Implikasi Terhadap Guru	180
5.4.4	Impilikasi Terhadap Pelajar	181
5.4.5	Implikasi Terhadap Masyarakat Setempat	181
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	181
5.6	Penutup	183
	RUJUKAN	185
	LAMPIRAN	189

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Definis Pembolehkan TRA	64
Jadual 2.2	Model Diadaptasi Daripada Technology Acceptance Model (TAM)	69
Jadual 2.3	Perbezaan Model TRA dan TAM	75
Jadual 4.1	Maklumat Demografi Responden Kajian Ditemubual	109

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Model Penerimaan Teknologi (Davis 1989)	13
Rajah 2.1	Indikator Item Kajian 1 Analisis Model TAM (Davis, 1989) dalam Kajian Endang Fatmawati (2015)	70
Rajah 2.2	Indikator Item Kajian 2 Analisis Model TAM (Davis, 1989) dalam Kajian Endang Fatmawati (2015)	71
Rajah 3.1	Proses Pelaksanaan Temu Bual	94
Rajah 3.2	Pemprosesan Maklumat dan Data Secara Kualitatif	100
Rajah 3.3	Contoh Sistem Koding Data Temubual	104
Rajah 4.1	Pembahagian Tema Berdasarkan Kemudahan Penggunaan Google Classroom	110
Rajah 4.2	Pembahagian Tema Berdasarkan Kemanfaatan Penggunaan Terhadap Google Classroom	125
Rajah 4.3	Pembahagian Tema Berdasarkan Sikap Guru Terhadap Penggunaan Google Classroom	137
Rajah 4.4	Pembahagian Tema Berdasarkan Tingkahlaku Sebenar Guru Terhadap Penggunaan Google Classroom	147
Rajah 5.1	Tema dan Kategori Elemen Kemudahan Penggunaan Google Classroom	166
Rajah 5.2	Tema dan Kategori Elemen Kemanfaatan Penggunaan Google Classroom	170
Rajah 5.3	Tema dan Kategori Elemen Sikap Guru Terhadap Penggunaan Google Classroom	172
Rajah 5.4	Tema dan Kategori Elemen Tingkahlaku Sebenar Guru Terhadap Penggunaan Google Classroom	175
Rajah 5.5	Kerangka Kajian Penerimaan Google Classroom dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah	178

SENARAI SINGKATAN

PdPR	-	Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah
GC	-	Google Classroom
MC	-	Medical Certificate
PdPc	-	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PKPB	-	Perintah Kawalan Pergerakan Bersepadu
LCD	-	Liquid Crystal Display
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
HEM	-	Information and Communication Technology
ICT	-	Artificial Neural Network
LMS	-	Learning Management System
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
iOS	-	Internetwork Operating System
Gmail	-	Google Mail.
e-mail	-	Mel elektronik
PJJ	-	Pendidikan Jarak Jauh
PAK21	-	Pembelajaran Abad Ke-21
LDP	-	Latihan Dalam Perkhidmatan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Protokol Temubual	189

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia sebuah negara membangun mampu menjadi sebuah negara maju dengan melaksanakan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) melalui penyerapan ICT dalam bidang pendidikan. Penekanan penerapan ICT dalam pendidikan di sesebuah organisasi dapat melahirkan golongan yang celik IT atau komputer yang akan menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara pada masa akan datang (Muhamad Sham,2006).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi sektor pendidikan dirangka bertujuan merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu dan mempersiapkan rakyat Malaysia bagi menghadapi cabaran ekonomi di peringkat antarabangsa pada abad ke-21. Usaha memperkasakan keupayaan bisnes sedia turut diberi tumpuan oleh KPM supaya lebih kukuh ke arah mencapai matlamat kementerian. Salah satu keupayaan bisnes utama yang diberikan tumpuan oleh KPM ialah memacu penggunaan teknologi yang baharu dan inovatif iaitu menekankan penggunaan teknologi yang inovatif bagi memberikan pengalaman pembelajaran lebih berkesan di samping menambah baik proses perkhidmatan dengan penggunaan teknologi. Perkembangan ICT yang begitu pesat, membantu guru dan pelajar untuk meneruskan pembelajaran secara pendidikan maya (*virtual learning*) dan pendidikan dari jarak jauh (PJJ) . Misalnya pelajar tidak hadir ke sekolah atau kuliah boleh memperoleh bahan pembelajaran termasuklah tugas, nota pembelajaran, video tutorial atau penerangan guru dan sebagainya berasaskan web (*web pages*) (Ayob Johari, 2002). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Gelombang 3 dalam tempoh (2021-2025), kerajaan berhasrat untuk mengekalkan penggunaan inovatif seluruh sistem. Hal ini bermaksud kerajaan akan memastikan

penggunaan ICT diterapkan sepenuhnya dalam sistem pendidikan sepanjang proses pelaksanaan pedagogi dan kurikulum di sekolah. Tumpuan diberikan dalam usaha meningkatkan dan menggiatkan penggunaan ICT dalam kalangan murid dan guru melalui medium pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pandemik Covid-19, telah mengubah kehidupan manusia pada hari ini ekoran pelaksanaan Dasar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara keseluruhannya terutamanya dalam sektor pendidikan. Dalam bidang pendidikan, khususnya sekolah memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah guru dan ibu bapa untuk melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Hal ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) iaitu menggariskan bahawa semua murid dapat mengakses pendidikan untuk mencapai potensi diri di samping pelajar diberi peluang untuk mengikuti pendidikan biarpun mereka tidak dapat hadir ke sekolah. Walaupun, pada awal pelaksanaannya terdapat beberapa masalah yang berlaku seperti guru-guru sukar dan serba kekurangan untuk memulakan PdPR, kurang berkemahiran di samping keadaan pelajar yang kurang bersedia ketika tahun 2020, namun, KPM telah mengeluarkan manual PdPR bagi membantu guru mengajar secara atas talian. Manual PdPR ini disediakan untuk membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah sebagai langkah alternatif pembelajaran dalam norma baharu Guru-guru boleh melaksanakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran di rumah secara dalam talian atau luar talian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Sekiranya pelajar mempunyai capaian internet dan kemudahan peranti yang mencukupi, guru-guru boleh melaksanakan pengajaran secara langsung atau *live*. Sekiranya, pelajar tidak mampu memperoleh capaian internet dan kemudahan peranti, guru-guru boleh melaksanakan secara *offline*.

Medium pembelajaran atas maya dan jarak jauh telah berkembang dalam era internet pada masa sekarang ialah penggunaan *Google Classroom* (Bilik Darjah *Google*) yang dibangunkan oleh pihak *Google* iaitu syarikat besar Amerika yang menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan di internet (Hadi Mahmud, 2009). Pihak *Google* telah mengumumkan penambahan aplikasi baru di dalam *suite* Pendidikan melalui *Google Apps* yang mampu membantu para guru mencipta dan menguruskan tugas dengan cepat, memberi maklum balas dengan cekap dan berkomunikasi dalam kelas mereka dengan mudah pada tarikh 5 Mei 2014 (Wikipedia, 2020). *Google Classroom* yang dibangunkan berdasarkan prinsip di mana alat pendidikan sepatutnya mudah untuk digunakan dan direka khas memberi peluang kepada guru dan pelajar meneruskan kelas pembelajaran dan pengajaran secara bersama dengan tempoh yang panjang (Jabatan Ketua Menteri Melaka Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi, 2014). Menurut Herma (2014), aplikasi *google classroom* boleh digunakan oleh sesiapa sahaja yang berada di dalam kelas. Kelas di dalam *google classroom* adalah kelas yang dirancang oleh guru yang sesuai dengan kelas sebenar atau kelas sebenar di sekolah. Kepelbagaian fungsi di dalam *Google Classroom* termasuklah ruangan pertambahan kelas, pembahagian tugas di dalam kelas, peningkatan penggredan bagi tujuan pemarkahan tugas dan sebagainya telah dibangunkan oleh pihak *Google* (Wikipedia, 2020).

Google Classroom telah dipilih sebagai media pengajaran dan pembelajaran atas talian kerana mudah diakses dan digunakan, membolehkan ruang komunikasi dan berinteraksi antara pensyarah dan pelajar di bilik darjah maya (Swita Amallia, 2019). *Google Classroom* atau singkatannya GC ialah *Learning Management Systems* (LMS) berasaskan web 2.0 untuk PdPc yang mengabungkan elemen mencipta dan memberi tugas, kolaborasi atas talian, memberi markah (gred tugas) tanpa menggunakan kertas (Wikipedia, 2020). GC boleh digunakan dengan menggunakan *Google Drive* untuk kolaborasi dengan tugas, menggunakan *Gmail* untuk komunikasi dan *Google Calender* untuk penjadualan. Pelbagai perkhidmatan disediakan membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti *Google Classroom*, *Google Mail*, *Google Drive*, *Google Calendar*, *Google Docs*, *Google Sheets*, *Google Slaid*, melalui *Google For Education*. Pendapat Swita Amallia (2019), mengatakan *google classroom* merupakan alat yang hebat

memudahkan komunikasi jarak jauh antara guru dan pelajar. Pelajar dan guru dapat belajar bersama, menerima dan membaca bahan, menghantar tugas dari jarak jauh dengan telus. Kesemua pelajar mendapat peluang yang sama dalam proses pembelajaran. *Google Classroom* sememangnya memudahkan pertemuan antara guru dan pelajar sama ada mengajar atau belajar di samping melakukan tugas tanpa had di mana-mana sahaja. Menurut Adelia Nurhaziza (2020), penggunaan *google classroom* memudahkan akses kepada pelajar dalam pembelajaran secara dalam talian biarpun guru tidak dapat memberikan pengajaran dan pembelajaran tidak di dalam kelas. Di samping itu GC membolehkan perkongsian pautan daripada aplikasi-aplikasi lain seperti *Quizizz*, *Kahoot*, dan sebagainya sebagai bahan pembelajaran interaktif dan latihan pengukuhan (M Kaviza, 2020). *Google Classroom* diperkenalkan adalah untuk memastikan perkongsian fail guru dan pelajar dapat diselaraskan. Penggunaan *google classroom* membanatu guru mengawal lebih dari satu kelas pada satu masa, memudahkan membuat pengumuman mengenai pembelajaran, menjadikan akses pelajar dan guru lebih mudah, guru dan pelajar mempunyai lebih banyak masa untuk berkomunikasi di samping guru dapat menghantar tugas melalui fail atau video kepada pelajarinya (Adelia Nurhaziza, 2020). Penggunaan *Google Classroom* dapat menjadikan pembelajaran lebih berkesan, guru dan pelajar dapat berinteraksi pada bila-bila masa melalui kelas atas talian teknologi *Google Classroom*.

Penggunaan *Google Classroom* dalam pengajaran guru perlu dibuat kajian untuk melihat penerimaan guru terhadap sistem pembelajaran secara maya atau secara atas talian terhadap aplikasi teknologi baharu hari ini. Oleh hal demikian, penyelidik telah membuat kajian ke atas penerimaan guru terhadap teknologi baru dalam dunia pendidikan sebagai usaha untuk memperkembangkan sebuah model yang direka oleh Davis, (1989) iaitu Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model*) dalam kalangan guru di sekolah menengah di Malaysia. Penyelidikan terhadap perkembangan teknologi aplikasi terkini *Google Classroom* telah dijalankan untuk menjelaskan dan menjangkakan penerimaan responden terhadap teknologi baharu ini. Justeru itu, pengkaji telah menggunakan sebahagian elemen dan mengubahsuai *Technology Acceptance Model* (TAM) sebagai panduan utama dalam menghasilkan kajian ini sepenuhnya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Melihat situasi dan fenomena hari ini, dunia telah dilanda penularan pandemik Covid-19. yang memberi kesan terhadap sektor pendidikan khususnya. Jika sebelum ini, sekolah, kolej atau institusi pengajian tinggi membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara bersemuka kini diganti dengan menggunakan kaedah pembelajaran secara maya atau atas talian serta jarak jauh. Ini dilakukan untuk menghalang penularan covid-19 dan memutuskan rantai covid-19 lebih mudah dan cepat. Salah satu media dalam talian yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran adalah *google classroom* adalah ciri terbaru aplikasi *google* untuk pendidikan yang boleh digunakan dalam proses pembelajaran atau kuliah (Sabran & Sabara, 2019). Faktor penularan pandemik Covid-19 yang membimbangkan, perlunya medium yang sesuai untuk menyampaikan bahan yang berintegriti, supaya pelajar berkebolehan memahami konsep dengan mudah. Oleh itu, pembelajaran memanfaatkan teknologi maklumat sangat diperlukan iaitu belajar menggunakan *google classroom*.

Proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi *Google Classroom* sememangnya membawa kebaikan dalam dunia pendidikan kerana ianya sangat fleksibel, tempoh masa pembelajaran lebih lama, dapat memudahkan guru mengurus kelas dan menjimatkan masa di samping dapat meningkatkan komunikasi dengan pelajar di dalam dan di luar sekolah serta memudahkan maklum balas dalam kalangan pelajar, menggalakkan pemikiran yang kreatif, kritis dan inovatif, bergerak secara bebas serta menawarkan sokongan atau penyertaan aktif para pelajar di dalam proses pdpc. Menurut Adelia Nurhaziza, (2020), *google classroom* bersifat mudah digunakan, menjimatkan masa, berasaskan awan, fleksibel, dan percuma digunakan. Menurut Izwan Nizal, Jastini, Sarah Syamimi, (2016) *google classroom* dapat menggalakkan dan mendorong seseorang berkemahiran berfikir aras tinggi, berkemahiran menyelesaikan masalah dan menyokong mana-mana jenis soalan yang lebih mencabar dalam zaman kepesatan teknologi hari ini. *Google Classroom* sememangnya memberi manfaat kepada penggunaanya khususnya guru dan pelajar kerana mereka masih boleh mengikuti dan meneruskan pembelajaran bersama secara atas talian melalui penyediaan kelas oleh guru dalam *google classroom* dan pelajar

perlu masuk ke kelas tersebut melalui kod kelas yang diberikan oleh guru. Penggunaan *Google Classroom* sebenarnya memudahkan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran serta menyampaikan maklumat dengan cepat dan tepat kepada pelajar. (Hardiyana, 2015). *Google Classroom* juga guru mampu mengawal lebih dari satu kelas dalam satu masa iaitu guru lebih mudah untuk membuat pengumuman mengenai pembelajaran, menjadikan akses pelajar dan guru lebih mudah di samping guru dan pelajar mempunyai lebih banyak masa untuk berkomunikasi, serta dapat mengirim tugas (fail atau video) kepada pelajarnya. (Rana Saeed, Mostafa Al-Embran ,2018).

Walaupun aplikasi *google classroom* mempunyai banyak kelebihan berbanding kelemahan, namun ternyata *google classroom* juga dilihat mempunyai masalah utama dalam melaksanakan pembelajaran secara maya. Menurut kenyataan Datuk Seri Mahdzir Khalid dalam suatu kenyataan artikel maya Utusan Malaysia , beliau menggariskan lima cabaran dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian termasuklah ketiadaan peranti dan jaringan internet yang lengkap dan sempurna terutamanya di kawasan luar bandar. Selain itu, faktor persekitaran kehidupan pelajar yang kurang kondusif, kemahiran guru terhadap penguasaan penggunaan pedagogi secara digital, mentaliti atau persepsi murid, ibu bapa dan guru terhadap pelaksanaan pembelajaran secara maya, serta tahap keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran oleh guru dan pensyarah.

Dalam kajian Adelia Nurhaziza (2020) dalam (kajian Janzem dalam Iftakhar, 2016) *Google Classroom* juga mempunyai kelemahannya tersendiri iaitu tidak mudah untuk mengawal pelajar dalam memberikan tindak balas yang diberikan oleh guru. hasil tugas lebih mudah dikesan tetapi tidak berkualiti (ketidakjujukan akademik). Di samping itu, tidak semua sekolah dapat menggunakan *Google Classroom* dengan lancar disebabkan faktor rangkaian internet serta kelajuan rangkaian internet menjadi penghalang penggunaan *Google Classroom* secara berterusan. Tambah lagi, masalah fail yang sering hilang ketika dimuat naik, tidak mudah bagi pengguna yang berasal dari luar bandar yang kurang mahir dalam mengaplikasikan teknologi. (Rana Saeed, Mostafa Al-Embran). Menurut Pappas (2015), kelemahan penggunaan *google classroom* juga dikenalpasti, dan salah

satunya masalah ketiadaan perkhidmatan luaran seperti kaunter pertanyaan automatik dan perbualan peribadi antara guru untuk maklum balas. Pendapat ini turut disokong oleh Abd Rozak dalam kajian Himyatul Muyasaroh (2020) di mana, *google classroom* sukar digunakan kerana rangkaian wifi yang perlahan atau buruk menjadikan pembelajaran melalui aplikasi *Google Classroom* terhalang, dan proses pembelajaran terganggu. Selain itu, Apabila pelajar belum log keluar akaun *Google Classroom* mereka setelah selesai menggunakan aplikasi ini, ia akan membawa maut kerana semasa pelajar lalai fail yang telah disimpan akan hilang. Seterusnya, cabaran yang dihadapi dalam menggunakan aplikasi ini memerlukan pelajar wajib memiliki telefon bimbit, komputer riba, atau yang lain dengan standard canggih untuk memaksimumkan penggunaan aplikasi ini. Sekiranya tiada keperluan dan kemudahan ini, pelajar perlu bergerak ke kafe internet untuk mengikuti pembelajaran melalui aplikasi *google classroom*. Menurut Sabran & Edy Sabara (2019), iaitu faktor-faktor yang menghalang pelaksanaan pembelajaran *google classroom* seperti kurangnya motivasi dalam mengembangkan pembelajaran *google classroom* kerana adanya kemudahan pembelajaran yang lain di dalam kelas.

Menurut Izwan Nizal, Jastini, Sarah Syamimi, (2016) "*google classroom* amat diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya apabila melibatkan aktiviti pembelajaran makmal komputer seperti membuat pemerhatian-pemerhatian, mengemukakan soalan-soalan, mengkaji buku dan lain-lain sumber maklumat, melihat apa telah pun diketahui, merancang penyiasatan, menyemak apa telah pun diketahui, menggunakan peralatan (perisian komputer) menganalisa data dan mentafsirkan data, mencadangkan jawapan, penjelasan dan ramalan serta berkomunikasi untuk membuat keputusan"(p.6). Berdasarkan jurnal penyelidikan iaitu Abd Rozak dan Azkia M. Albantani (2018) yang bertajuk "*Reka Bentuk Bilik Darjah Bahasa Arab Melalui Google Classroom*", dapat disimpulkan proses penggunaan *Google Classroom* dalam pembelajaran bahasa Arab memudahkan komunikasi pensyarah dan pelajar dalam kelas kerana dapat menyampaikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan terutama berkaitan tugas dan bahan yang ingin disampaikan. Jelaslah, bahawa sememangnya *google classroom* mempunyai kelebihan yang banyak berbanding kelemahan. Oleh hal demikian, kajian tentang penggunaan *google*

classroom dalam kalangan guru sekolah *menengah* penting dan perlu untuk dikaji bagi melihat masalah-masalah yang wujud dalam kalangan guru sepanjang penggunaan aplikasi ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Hasil penelitian dan pembacaan kajian-kajian lepas, pengkaji turut mengesan beberapa manfaat dan masalah yang telah dikenalpasti sepanjang penggunaan *google classroom*. Hasil temu bual dengan guru matematik misalnya, menyimpulkan bahawa masih terdapat masalah dengan hasil pembelajaran walaupun penggunaan media pembelajaran berasaskan dalam talian dapat memudahkan guru dalam aktiviti pembelajaran dan memudahkan pelajar belajar. Hasil ini ditunjukkan dengan keputusan skor ujian melebihi 50% masih jauh di bawah kriteria kelengkapan minimum. Beberapa faktor penyebab masalahnya adalah pelajar mengalami kesukaran untuk belajar, waktu belajar pelajar masih kurang, dan kekurangan minat pelajar untuk membaca buku dan melakukan latihan. Hasil temu ramah dengan guru mata pelajaran matematik juga mendapati setakat ini proses pembelajaran belum menggunakan teknologi yang dapat membantu proses pembelajaran, misalnya dengan pembelajaran berasaskan dalam talian (Yuda Darmawan, 2019).

Kajian penyelidikan yang lain seperti Diemas Bagas P.P dan Rina Harimurti (2017), menyimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam hasil pembelajaran antara kelas eksperimen yang menggunakan pembelajaran dengan *Google Classroom* dan kelas kawalan yang hanya menggunakan pembelajaran berasaskan projek. Dalam kajian penyelidikan lain, menurut Wahyuni Eka Afrianti, 2018 dalam (kajian Biantoro, 2014) menyatakan Rosemarie DeLoro, seorang pendidik dari New York, telah mengajar dalam tempoh bertahun-tahun selama 60 tahun mengajar tidak pernah mengaplikasikan penggunaan komputer dalam pengajarannya. Walau bagaimanapun, sejak mempunyai *Chromebook* dan juga *Google Classroom* di dalamnya, beliau dengan mudah dapat memberi kerja rumah secara atas talian atau digital kepada pelajar-pelajarnya dan pada masa sama dapat menerima maklum balas pelajar-pelajar pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Justeru itu, kajian penyelidikan ini diharapkan dapat mengkaji penggunaan *google classroom* dalam kalangan guru untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian pembelajaran mereka.

1.3 Pernyataan Masalah

Krisis global pada masa kini iaitu penularan wabak Covid 19, menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka atau konvensional terpaksa ditangguhkan bagi memenuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Menurut Mohd Aiziee Hasan, Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), dalam satu kenyataan akhbar maya Berita Harian menyatakan dalam situasi norma baharu, memerlukan golongan pendidik khususnya guru-guru untuk mempersiapkan serta melengkapkan diri dengan penguasaan ilmu teknologi digital dan menguasai kemahiran *e-learning* bagi meneruskan pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru perlu menerima perubahan dari segi kemahiran, keupayaan ilmu, kesiapsiagaan, sikap dan kompetensi dalam norma baharu ini. Guru-guru perlu bersedia dan menghadapi kesiapsiagaan dari aspek perubahan teknik pengajaran, pentaksiran dan penyampaian ilmu kepada pelajar secara atas talian.

Guru dan pensyarah dilihat dapat memanfaatkan medium pembelajaran secara maya dengan sepenuhnya dengan menggunakan media sosial seperti *whatsapp* dan *telegram* misalnya bagi memastikan pelajar dapat meneruskan pembelajaran biarpun tidak dapat mengikuti pembelajaran secara bersemuka di bilik darjah atau bilik kuliah bersama guru atau pensyarah. Pembelajaran secara atas talian terutamanya penggunaan aplikasi *google classroom* yang disarankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) jelas menunjukkan aplikasi ini sangat membantu guru atau pensyarah untuk berinteraksi dengan pelajar secara langsung dalam pembelajaran. Walaubagaimanapun, penggunaan aplikasi *google classroom* amat mencabar untuk diaplikasikan dalam situasi pembelajaran hari ini, kerana tidak semua pelajar dapat mengikuti pembelajaran dalam talian kerana faktor capaian internet di bandar mahupun di kawasan pedalaman (BERNAMA, 2020). Kenyataan ini selari dalam kajian Abd Rozak yang dipetik dalam jurnal Arabiyat dalam kajian Himyatul Muyasaroh (2020), yang menyatakan rangkaian wifi yang perlahan atau buruk menjadikan pembelajaran melalui aplikasi *Google Classroom* terhalang, dan proses pembelajaran akan terganggu. Selain itu menurut Abd Rozak (2020), cabaran lain dalam melaksanakan aplikasi *google classroom* di dalam pembelajaran secara

maya ini memerlukan pelajar yang menggunakan aplikasi ini wajib memiliki telefon bimbit, komputer riba, atau yang lain dengan standard canggih untuk memaksimumkan penggunaan aplikasi ini. Apabila peralatan yang menyokong aplikasi ini mengalami kesukaran untuk disediakan, memerlukan pelajar pergi ke kafe internet untuk meneruskan pembelajaran dengan guru melalui aplikasi ini.

Tambahan lagi, dalam kenyataan suatu artikel secara maya melalui sumber Sinar Harian, seorang pensyarah Anuar Ahmad daripada Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), menyatakan Malaysia belum bersedia untuk menggunakan kaedah pembelajaran secara maya ekoran kekurangan kemudahan internet dan prasarana terutamanya di kawasan luar bandar. Memetik kenyataan yang diberikan oleh Mohd Azizee Hasan dalam akhbar maya Sinar Harian, mengakui kekangan masalah capaian internet, ketiadaan peranti digital pintar dan sikap pelajar itu sendiri menyukarkan proses pembelajaran atas talian dilaksanakan.

Menurut pengalaman guru-guru yang diperoleh sumber akhbar Berita Harian secara maya bertajuk” Covid-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru menjelaskan, suasana pengajaran dan pembelajaran dalam suasana norma baharu ternyata berbeza sebelumnya kerana hampir semua medium pembelajaran dalam talian digunakan seperti google meet dan *google classroom*, *youtube* serta pelbagai kuiz. Kebanyakan daripada guru veteran atau dikategorikan sebagai “orang lama” khususnya sukar menguasai ilmu teknologi dan tidak semua guru celik teknologi. Dalam kajian Hapini Awang (2020) ICT juga semangnya memudahkan tugas rutin guru, namun sebaliknya berlaku di mana tahap penggunaan ICT adalah sangat rendah terutamanya dalam kalangan guru. Menurutny lagi, kekurangan infrastruktur dan sistem sokongan yang lemah masih lagi menjadi halangan utama kepada guru untuk mengaplikasikan sebarang inisiatif ICT termasuk VLE (*google classroom*) di dalam proses pengajaran dan penyampaian maklumat mereka. Pada asasnya, pelaksanaan ICT yang efektif dapat membantu guru mengurus beban tugas mereka, namun pelaksanaan yang lemah akan menyebabkan ICT menjadi beban tambahan, Penggunaan VLE sebenarnya sebagai medium yang baik dapat menangani isu beban kerja yang berlebihan. Sekiranya VLE mampu menyediakan

kualiti yang terbaik dan bertepatan dengan kehendak guru ianya berfaedah dan digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sebaliknya jika VLE tidak mampu menyediakan kualiti terbaik besar kemungkinan VLE akan menjadi beban tambahan yang terpaksa ditanggung terutamanya apabila guru-guru dipaksa untuk menggunakannya tanpa kerelaan.

Setelah meneliti beberapa kajian sebelum ini, sememangnya penyelidik perlu mengkaji suatu kaedah pembelajaran atas talian yang terkenal pada hari ini iaitu penggunaan *Google Classroom* khususnya untuk membantu dalam setiap proses pengajaran dan pembelajaran dalam suasana norma baharu. Ini kerana hampir semua pelajar mempunyai telefon bimbit untuk mengakses aplikasi *Google Classroom*. Dengan adanya teknologi ini, guru dan pelajar dari mana-mana sekolah dapat berkomunikasi dengan cara yang lebih mudah biarpun tidak dapat melaksanakan pembelajaran secara bersemuka atau konvensional.

Seterusnya, kajian ini penting untuk dijalankan bagi mengenalpasti masalah-masalah yang wujud dan diketengahkan dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara masalah-masalah yang perlu dikenalpasti termasuklah dari aspek kemudahan, kemanfaatan penggunaan sikap dan tingkahlaku sebenar guru sepanjang menggunakannya terhadap teknologi baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta lain-lain pengurusan kerja. Keadaan ini perlu dikenalpasti dan diselidiki agar pihak yang berkepentingan dapat menggalakkan penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru disebabkan kemanfaatannya dalam teknologi pendidikan. Kajian ini dilaksanakan dalam kalangan guru-guru sekolah menengah khususnya di SMK Taman Johor Jaya 1. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan Model Penerimaan Teknologi sebagai panduan bagi melengkapkan kajian ini iaitu mengkaji sejauhmana kemudahan, kemanfaatan penggunaan, sikap terhadap penggunaan dan tingkahlaku sebenar dalam pengurusan kerja harian guru termasuklah proses pengajaran dan pembelajaran, pengurusan unit kurikulum, HEM dan kokurikulum dan hasilnya dapat meningkatkan hasil pembelajaran pelajar dan pencapaian prestasi kerja guru lebih berkesan dan produktif.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan:

- a. Mengkaji kemudahan (*perceived ease of use*) penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru di sekolah menengah.
- b. Mengkaji kemanfaatan penggunaan (*perceived usefulness*) penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru di sekolah menengah.
- c. Mengkaji sikap terhadap penggunaan (*attitude toward using*) penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru sekolah menengah.
- d. Mengkaji tingkahlaku penggunaan sebenar (*actual usage*) penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru di sekolah menengah.


1.5 Persoalan Kajian

Berikut merupakan persoalan kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji seperti berikut:

- a. Bagaimanakah kemudahan (*perceived ease of use*) penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru di sekolah menengah?
- b. Bagaimanakah kemanfaatan penggunaan (*perceived usefulness*) penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru di sekolah menengah?
- c. Bagaimanakah sikap terhadap penggunaan (*attitude toward using*) penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru sekolah menengah?
- d. Bagaimanakah tingkahlaku penggunaan sebenar (*actual usage*) penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru di sekolah menengah?

1.6 Kerangka Model

Kajian tentang penggunaan dan penerimaan teknologi terhadap penggunaan Google Classroom dalam kalangan guru di sekolah menengah menggunakan Model Penerimaan Teknologi yang dihasilkan oleh Davis (1989). Penggunaan Model Penerimaan Teknologi (TAM) ini adalah menyamai dengan kajian yang dilakukan oleh Mahizer Hamzah dan Mohd Azli Yeop (2016) yang mengkaji penerimaan persekieran dan pembelajaran maya ini.



Rajah 1.1 Model Penerimaan Teknologi (Davis 1989)

Berdasarkan Rajah 1.1 di atas yang menunjukkan Model Penerimaan Teknologi, menerangkan terdapat dua pemboleh ubah utama menjadi penentu kajian ini iaitu faktor luaran meliputi kemudahan terhadap *google classroom* dan kemanfaatan penggunaan *google classroom*. Setelah dikenalpasti dan ditentukan elemen atau ciri-ciri penentu di dalam setiap dua pemboleh ubah utama tersebut, ianya akan mempengaruhi sikap penggunaan guru terhadap *google classroom*. Ekoran daripada sikap guru terhadap penggunaan *google classroom* dapat menentukan penggunaan sebenar guru terhadap *google cla*

1.7 Kepentingan Kajian

Diharapkan kajian ini dapat memberi impak yang positif terutamanya dalam sistem pendidikan di Malaysia melalui pembelajaran maya sekaligus memberi faedah kepada beberapa pihak yang berkepentingan iaitu;

1.7.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu memberikan idea dan cadangan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam melaksanakan penambahbaikan dalam menggalakkan penggunaan teknologi *Google Classroom* terhadap guru-guru sekolah di Malaysia. Selain tu, diharapkan KPM dapat mengetahui faktor kemudahan, kemanfaatan, sikap terhadap penggunaan dan tingkahlaku sebenar guru terhadap penggunaan *google classroom*.

1.7.2 Pihak Pentadbir Sekolah

Pengkaji mengharapkan hasil dapatan kajian yang diperoleh dapat membuka mata pihak pentadbir sekolah khususnya pengetua sekolah, Penolong Kanan Pentadbiran, HEM dan ko-kurikulum dan ketua bidang untuk mengaplikasikan penggunaan GC ini dalam pelbagai pengurusan selain proses pengajaran dan pembelajaran . Hal ini demikian, GC ini jelas terbukti suatu teknologi yang memudahkan dan mempercepatkan serta menjimatkan masa seseorang guru.

1.7.3 Guru

Selain itu, kajian ini dapat memberi cadangan dan kesedaran kepada guru-guru kemudahan dan kemanfaatan penggunaan teknologi *Google Classroom* yang membantu guru dalam menjimatkan masa dan dapat melakukan sesuatu yang lain selain berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, memberi pengetahuan dan pendedahan kepada guru implikasi penggunaan teknologi *Google Classroom* dalam menyokong dan melaksanakan pengajaran serta memberi input kepada guru sekiranya terdapat kekurangan dalam penggunaan aplikasi tersebut. Tambahan lagi, guru dapat meningkatkan bilangan penyertaan pelajar secara aktif di dalam kelas atas talian berbanding di dalam bilik darjah sebenar.

1.7.4 Pelajar

Kajian ini diharapkan juga dapat meningkatkan minat para pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini demikian kerana *Google Classroom* ini sememangnya membantu para pelajar lebih fokus untuk belajar di dalam kelas kerana mereka dapat memperolehi kandungan pembelajaran yang diajar di dalam kelas melalui aplikasi ini. Seterusnya, kajian ini juga diharapkan pelajar dapat mengetahui kemanfaatan penggunaan *google classroom* dalam pembelajaran.

1.7.5 Masyarakat Setempat

Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada masyarakat setempat khususnya ibu bapa tentang kepentingan peranan dan kerjasama mereka dalam mengaplikasinya penggunaan *Google Classroom* dalam proses pembelajaran para pelajar. Para ibu bapa diharapkan dapat menyedari tentang kepentingan kemudahan *google classroom* dari aspek capaian internet dan peranti mudah alih dan kemanfaatan penggunaan *google classroom* bagi meneruskan pembelajaran para pelajar atau anak-anak mereka.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan oleh pengkaji terhadap guru-guru di SMK Taman Johor Jaya 1. Kajian ini terhad kepada satu sekolah menengah sahaja. Secara rasionalnya kajian ini dipilih hanya sebuah sekolah menengah sahaja kerana ingin meninjau persepsi dan sikap dan tingkahlaku sebenar terhadap penggunaan *Google Classroom* responden. Kajian ini juga memfokuskan kepada guru sahaja kerna guru merupakan golongan utama penggerak atau tonggak utama dalam mengaplikasikan penggunaan *Google Classroom* dalam pengajaran dan pembelajaran.

Responden pengkaji terdiri daripada guru-guru sekolah menengah yang pernah dan sering menggunakan teknologi *Google Classroom* dalam pdpc. Rasional responden dipilih dalam kalangan guru kerana mereka adalah pihak yang terlibat dalam melaksanakan dan mengaplikasikan penggunaan *Google Classroom* di dalam pengajaran dan pembelajaran .

1.9 Definisi Konsep Dan Operasi

1.9.1 Google Classroom

Google Classroom atau singkatannya GC ialah *Learning Management Systems* (LMS) berasaskan web 2.0 untuk PdPc yang mengabungkan elemen mencipta dan memberi tugas, kolaborasi atas talian, memberi markah (gred tugas) tanpa menggunakan kertas. *Google Classroom* dapat diakses melalui dua cara iaitu melalui *website* dan aplikasi. Sekiranya menggunakan *website google classroom* dapat diakses menggunakan browser seperti *Google Chrome, FireFox,* dan *Internet Explorer*. Manakala sekiranya pengguna menggunakan aplikasi dapat diakses dengan mudah melalui *playstore* untuk *android* dan *app store* untuk *iOS*. *Google Classroom* merupakan teknologi yang membolehkan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah di dunia maya atau secara atas talian. *Google Classroom* direka untuk empat pengguna, iaitu guru, pelajar, penjaga dan pentadbir. Kelebihan teknologi dan aplikasi *Google Classroom* berbanding aplikasi lain ialah aplikasi

Google Classroom dapat digunakan untuk membuat dan mengurus kelas, tugas, nilai dan memberikan input langsung. Guru dapat memantau bahan dan tugas kelas, berkongsi bahan dan berinteraksi di dalam kelas atau melalui e-mel, menghantar tugas dan mendapatkan input gred secara langsung.

Google Classroom menggabungkan beberapa alatan atau fungsi di dalamnya seperti Google Drive untuk penciptaan dan pengedaran tugas, dokumen google (google doc), helaian (sheets) dan slaid untuk tujuan penulisan. Manakala gmail, meet dan chat bertujuan untuk berkomunikasi dengan sesiapa sahaja. Seterusnya, bilik darjah (classroom), tugas (assignment) dan borang google (google form) pula bertujuan untuk membuat kelas, tugas, kuiz dan memudahkan penggredan. Selain itu di dalam Google Classroom juga turut terdapat fungsi lain seperti google calendar iaitu kalendar google yang berfungsi sebagai penjadualan. Google Classroom boleh log masuk atau boleh dijemput masuk kepada pelajar untuk menyertai kelas melalui kod persendirian, atau secara automatik dijemput oleh pihak sekolah iaitu dalam kalangan guru yang mengajar mereka. Setiap kelas membuat folder berasingan dalam Drive pengguna masing-masing, di mana pelajar boleh menghantar kerja untuk dinilai oleh guru.

Dalam kajian penyelidikan ini, pengkaji akan mengkaji kemudahan *google classrom*, mengkaji kemanfaatan penggunaan *google classroom*, mengkaji sikap terhadap penggunaan *google classroom* dalam kalangan guru serta tingkahlaku sebenar terhadap *penggunaan google classroom* dalam kalangan guru sekolah menengah.

1.9.2 Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model*)

Model Penerimaan Teknologi (TAM) telah dicadangkan oleh Davis yang berkait rapat dengan penerimaan terhadap sesuatu teknologi. Teori ini adalah berdasarkan Teori Tingkahlaku Sebab (Theory of Reasoned Action). Mengikut TRA, niat seseorang individu akan emmaparkan tingkahlaku dan norma sosia mereka. Menurut Legris, Ingham dan Collerttte (dalam Nurul Farhana Junus, 2013) model ini menerangkan tingkahlaku pengguna teknologi maklumat yang mengandungi 5 elemen utama iaitu persepsi terhadap kemudahan (*perceived ease of use*), persepsi terhadap kebergunaan (*perceived usefulness*), kecenderungan sikap terhadap penggunaan teknologi (*attitudes toward using*), kecenderungan niat dan keinginan dalam aplikasi penggunaan teknologi (*behavioral intention to use*), penggunaan teknologi secara realiti (*actual technology use*) Menurut Masrom (2007) persepsi terhadap kemudahan (*perceived ease of use*)diramal akan mempengaruhi persepsi terhadap teknologi itu berguna (*perceived usefulness*).

1.9.2.1 Kemudahan (Perceived Ease Of Use)

Elemen kemudahan (*perceived ease of use*) merujuk kepada maklum balas seseorang pengguna terhadap penggunaan suatu sistem tertentu yang mudah difahami dan tidak sukar untuk dipelajari. Lebih jelas lagi, bermaksud seseorang individu tidak memerlukan usaha yang banyak seperti masa dan tenaga untuk mempelajari sesuatu aplikasi media sosial. Menurut Nurmaini & Himawan (2013), mendefinisikan kemudahan sebagai sejauh mana seseorang mempercayai penggunaan sesuatu teknologi akan bebas daripada usaha mereka. (“*is the extent to which a person believes that using a technology will be free of effort.*”). Menurut mereka juga, kemudahan ini merujuk kepada kepercayaan tentang proses pengambilan keputusan. Maknanya, jika seseorang percaya bahawa sistem informasi yang digunakan itu mudah digunakan, maka seseorang itu akan menggunakannya, sebaliknya jika tidak mudah digunakan, maka seseorang itu tidak akan menggunakannya. Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji elemen

kemudahan terhadap penggunaan *google classroom* dalam kalangan guru sekolah menengah.

1.9.2.2 Kemanfaatan Penggunaan (*Perceived Usefulness*)

Elemen kemanfaatan penggunaan (*perceived usefulness*) pula, menunjukkan maklum balas seseorang pengguna terhadap penggunaan sesuatu sistem dapat meningkatkan prestasi kerja seseorang. Kemanfaatan ini boleh diukur dari segi peningkatan produktiviti atau menjadikan kerja yang dilakukan lebih efektif. Kemanfaatan penggunaan merujuk kepada sejauh mana seseorang itu percaya bahawa menggunakan suatu teknologi informasi itu dapat meningkatkan prestasi kerjanya ("*as the extent to which a person believes that using a technology will enhance her or his performance.*"), Nurmaini & Himawan , 2013). Jelaslah, dalam kajian penyelidikan ini, pengkaji ingin mengkaji elemen kemanfaatan *google classroom* dalam kalangan guru sekolah menengah.

1.9.2.3 Kecenderungan Sikap Terhadap Perilaku (*Attitude Towards Behavior*)

Elemen kecenderungan sikap terhadap perilaku (*attitude towards behavior*) penggunaan teknologi merujuk kepada persepsi atau perasaan seseorang individu terhadap kepercayaan sasaran sama ada positif atau negatif. Kenyataan ini turut dijelaskan oleh Nurmaini & Himawan, 2013, bahawa sikap terhadap perilaku merujuk perasaan positif atau negatif oleh seseorang jika seseorang harus melakukan perilaku yang akan ditentukan ("*an individual's positive or negative feelings about performing the target behavior.*"). Kedua-dua faktor di atas iaitu *perceived ease of use* dan *perceived usefulness* mempengaruhi sikap seseorang penggunaan terhadap penggunaan teknologi. Ini bermaksud, jika seseorang pengguna merasai teknologi itu bermanfaat dan mudah digunakan, mereka telah membangunkan sikap yang positif terhadap penggunaan teknologi tersebut. Dengan ini, pengkaji ingin mengkaji elemen sikap terhadap penggunaan *google classroom* dalam kalangan guru sekolah menengah.

1.9.2.4 Penggunaan Sebenar (*Actual Use*)

Penggunaan sebenar (*actual use*) adalah elemen terakhir dalam model TAM di mana ianya dibentuk hasil daripada konstruk *behavioral intention*. Jika pengguna mempunyai niat menggunakan teknologi tersebut maka, mereka akan menggunakannya. Maksudnya, penggunaan sesungguhnya oleh perilaku terhadap penggunaan sistem teknologi informasi. Dalam kajian ini, pengkaji tingkahlaku sebenar guru terhadap penggunaan dan teknologi *google classroom*.

1.10 Penutup

Bab 1 membincangkan gambaran awal atau pengenalan tentang kajian yang akan dilaksanakan. Perbincangan meliputi pendahuluan, latar belakang masalah, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka model yang digunakan, skop dan batasan kajian, definisi konsep dan operasi serta penutup.

RUJUKAN

- Arief Wibowo (2008). Kajian Tentang Perilaku Pengguna Sistem Informasi Dengan Pendekatan Technology Acceptance Model (TAM) Dimuat turun daripada <https://www.researchgate.net/publication/228997997...>
- Ayob Johari (2002). *Profession Perguruan Dan Ict Dalam Pendidikan Perguruan: Pengalaman Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (Kuittho)*. Dimuat turun daripada eprints.uthm.edu.my/id/eprint/4114/1/Profession...
- Almio Susetyo Harjanto, Sri Sumarni (2019) Teachers' Experiences On The Use Of Google Classroom. *3 Rd English Language And Literature International Conference (Ellic)Proceedings* (3)(1) 172-178
- Adelia Nurhaziza (2020). *Konsep, Desain, Kelebihan Dan Kekurangan, Serta Implikasi Media Pembelajaran E-Learning Google Classroom Pada Pembelajaran Jarak Jauh*. Dimuat turun daripada <https://www.researchgate.net/publication/341215969>.
- Ahmad Azhari & Ahmad Syafi'. (2020) Google Classroom As Learning Platform In Teaching Writing, *Jurnal Bahasa Dan Sastra Inggris*, (9)(1), 48-64.
- Buaddin. (2020) Pemanfaatan Google Classroom Dalam Matakuliah Menggunakan Media Video Screencast O Matic. *Widya Wacana : Jurnal Ilmiah*, 15(1), 9-15
- BERNAMA (2020, April, 2) Cabaran mengajar dalam talian. *Sinar Harian*. Dimuat turun Januari 23, 2020, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/76874/BERITA/Nasional/Cabaran-mengajar-dalam-talian>
- BERNAMA (2020, Mei, 16) Covid-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru. *Berita Harian*. Dimuat turun Januari, 19, 2020, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>.
- Davis, F. D. (1989). Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, and User Acceptance of Information Technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319–340.
- .Darmawan Napitupulu (2017). *Kajian Penerimaan e-Learning dengan Pendekatan TAM Seminar Nasional Multidisiplin Budi*, 8(1), 41-48

- Endang Fatmawati (2015). Technology Acceptance Model (Tam) Untuk Menganalisis Penerimaan Terhadap Sistem Informasi Perpustakaan. *Jurnal Iqra'*, (9)(1). 1-13
- Ernawati (2018). *Pengaruh Penggunaan Aplikasi Google Classroom Terhadap Kualitas Pembelajaran Dan Hasil Belajar Siswa Pada Mata Pelajaran Ekonomi Kelas XI Di Man 1 Kota Tangerang Selatan*. Dimuat turun daripada <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/41841>
- Edy Sabara & Sabran (2019). *Pembelajaran Blended Learning Melalui Google Classroom*, Prosiding Seminar Nasional LP2M UNM. (14)(4). 98-101
- Fathema, N., Shannon, D., & Ross, M. (2015). Expanding the Technology Acceptance Model (TAM) to Examine Faculty Use of Learning Management Systems (LMSs) In Higher Education Institutions. *MERLOT Journal of Online Learning and Teaching*, 11(June (2)), 210–232. Retrieved from <http://www.researchgate.net/publication/281842180>
- Hapini Awang et.al. (2020). Cabaran Dalam Melaksanakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi: Analisis Kes Persekitaran Pembelajaran Maya-Frog Serta Strategi Untuk Melestarikan Penggunaan Google Classroom Dalam Kalangan Guru, *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 1(1), 1-18
- .Himayatul Muyasaroh. (2020). Penerapan Google Classroom Pada Pembelajaran Pai Kelas XI Jurusan Bisnis Daring Pemasaran (BDP) Di SMK Negeri 1 Purwokerto Tahun Pelajaran 2019/2020 . Dimuat turun daripada <repository.iainpurwokerto.ac.id/7896>
- Heggarrt (2018). Getting The Most from Google Classroom: A *Pedagogical Framework for Tertiary Educators*. 43(3). 140-153
- Herma, Widya (2017), *Google Classroom Ruang Kelas Dunia Maya* dimuat turun daripada <http://widyaherma.com>
- Izwan Nizal, Jastini, Sarah Syamimi, (2016). The Application of Google Classroom as a Tool for Teaching and Learning, *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering*, 8 [10], 5-8
- Jabatan Ketua Menteri Melaka Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi (2014). Buletin ICT Negeri Melaka Edisi Bulan Mei 2014. Dimuat turun daripada <https://www.melaka.gov.my/.../buletinictmei2014web.pdf> .
- Janaki (2015). Perubahan Sosial Dalam Kalangan Pasca Siswa Fakulti Pendidikan, UTM . Master Thesis. Universiti Teknologi Malaysia.

- Kementerian Pendidikan Malaysia . (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025 (Preschool to Post-Secondary Education)*. Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/dasarmenu/pelan-pembangunan..>
- Khairani Ratnasari (2011) . Kajian Mengenai Penerimaan Teknologi dan Informasi Menggunakan *Technology Acceptance Model (TAM)*. 4(1). 27-32
- Kaukab Abid & Nayab Iqbal (2018). Effectiveness Of Google Classroom : teachers' Perceptions . *Prizren Social Science Journal*, 2[2], 52-66
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah. Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/manual...>
- Lee Bih Ni. (2020). Blended Learning through Google Classroom. *International Journal of Educational and Pedagogical Sciences*. (14)(4). 215-221
- Lim Halimatul & Aden Arif (2020). Optimalisasi Penggunaan Google Classroom Sebagai Alternatif Digitalisasi Dalam Pembelajaran Jarak Jauh (Pjj). *Jurnal Bio Education*, 5 (2), 23-35.
- Media Mulia (2021, Januari, 23) Cabaran pendidikan dalam talian-Realiti atau fantasi?. Utusan Malaysia. Dimuat turun Januari, 20, 2021, daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2021/01/cabaran-pendidikan-dalam-talian-realiti-atau-fantasi/>
- Muhamad Sham . (2006). *ICT: Peranan dan Potensi dalam Pembangunan Pelajar* . Dimuat turun daripada eprints.utm.my/id/...Ictperanandanpotensidalam.pdf
- Mohd Faruze (2019, Jun). *Modul Google Classroom* . Dimuat turun daripada https://www.academia.edu/40787727/MODUL_GOOGLE
- M. Kaviza. (2020). Kesiediaan Murid Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom Sebagai Platform Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal Of Social Sciences and Humanities* , 5(4), 108-115
- Nurmaini& Himawan, (2013). Analisis Penerimaan Sistem e-learning SMK Labor Pekanbaru Dengan Menggunakan Technologu Acceptance Model (TAM). *Jurnal Sains Teknologi Dan Industri* , 11(1). 1-8.
- Nirfayanti & Nurbaeti (2018). Pengaruh Media Pembelajaran Google Classroom Dalam Pembelajaran Analisis Real Terhadap Motivasi Belajar Mahasiswa. *Jurnal Penelitian Matematika Dan Pendidikan Matematika*. 1(2), 51-59
- Nia Maharani& Ketut Sepdyana (2019). Penggunaan Google Classroom Sebagai Pengembangan Kelas Virtual Dalam Keterampilan Pemecahan Masalah

- Topik Kinematika Pada Mahasiswa Jurusan Sistem Komputer . *Journal Of Science Education*, 3(3), 167-173
- Rana Saeed & Mostafa Al-Embran . (2018). Students Acceptance of Google Classroom: An Exploratory Study using PLS-SEM Approach. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, (13(6). 112-123
- Rozak, Abd & Azkia Moharom (2018). Desain Perkuliahan Bahasa Arab Melalui Google Classroom, *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*. (5)(1)
- Sairah Husin (2016) *Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Lestari Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*. Master Thesis, Universiti Teknologi Malaysia
- Sabran & Edy Sabara (2019). Keefektifan Google Classroom sebagai media pembelajaran. *Prosiding Seminar Nasional Lembaga Penelitian Universitas Negeri Makassar*. 71(1) 122-125
- Swita Amallia (2019). Pemnafaatan Google Classroom Sebagai Media Pembelajaran Online Di Universitas Dian Nuswantoro. *Wacana Jurnal Ilmiah Ilmu Komunikasi*, 18(2), 225-233
- Venkatesh, V., Morris, M. G., Davis, G. B., & Davis, F. D. (2003). User Acceptance of Information Technology: Toward a Unified View. *MIS Quarterly*, 27(3), 425– 478.
- Wikipedia (2020). Google Classroom . Dimuat turun daripada https://ms.wikipedia.org/wiki/Google_Classroom
- Wicaksono, Vicky Dwi. Putri Rachmadyanti (2017). “Pembelajaran Blended Learning Melalui Google Classroom di Sekolah Dasar” dimuat turun daripada [https://publikasiilmiah.ums.ac.id/xmlui/bitstream/..Wahyuni Eka Afrianti](https://publikasiilmiah.ums.ac.id/xmlui/bitstream/..Wahyuni_Eka_Afrianti) , (2018) . Penerapan Google Classroom Dalam Pembelajaran Akuntansi, Studi Kasus Pada Program Studi Akuntansi Universitas Islam Indonesia.
- Yuda Darmawan. (2019). Penggunaan Aplikasi Google Classroom Dalam Upaya Meningkatkan Hasil Belajar Matematika Pada Siswa Kelas X IPS 3 Batik 2 Surakarta
- Zedha Hammi (2017). Implementasi google Classroom Pada Kelas XI IPA MAn 2 KUDUS. Dimuat turun daripada <http://lib.unnes.ac.id/id/eprint/31039>